



MUHAMMAD ASYRAF AMRAN (kanan) berkongsi kegembiraan bersama pemenang lain dalam program IPTA Young Motivator Competition (I-MAC) peringkat universiti di Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

## I-MAC lahir pemedato USIM

**SEREMBAN 12 Mei** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini menyediakan platform bagi pelajar yang berbakat dalam menyampaikan motivasi dan syarahan melalui penganjuran program IPTA Young Motivator Competition (I-MAC) peringkat universiti baru-baru ini.

Ketua Exco Motivasi Kelab Pembimbing Rakan Universiti (PRU), Siti Hawa Mat Yunan berkata, program itu bertemakan *Talk Towards 1st Class*, merupakan anjuran kelab ini dengan kerjasama Unit Psikologi Kaunseling dan Kerjaya (UPKK), Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM.

"Seramai 22 peserta dalam kalangan mahasiswa pelbagai bi-

dang menyertai pertandingan itu.

"Objektif utama ialah melatih mahasiswa membentuk personaliti yang menarik, berkeyakinan dan memupuk sifat berani serta berkebolehan dalam melontarkan idea," katanya.

Dalam pada itu menurut pelajar tahun tiga Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Muhammad Asyraf Amran, 22, memenangi tempat kedua dalam program itu amat mengejutkan.

"Saya hanya sempat berlatih pada waktu malam sebelum program kerana kekangan masa di kuliah dan pada masa yang sama sibuk menguruskan program ini," katanya yang juga anggota jawa-

tankuasa protokol dan perhubungan program I-MAC.

Manakala Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, Nasrul Hakim Ahmad memberitahu, program I-MAC ini wajar diteruskan kerana dapat melahirkan generasi yang berani menyampaikan motivasi dan syarahan kepada umum.

"Itu wajar dijadikan acara universiti kerana kita akan dapat melihat kekuatan individu dalam berhujah, menyampaikan pendapat serta merumuskan isu tertentu dengan fakta dan gaya pengucapan awam yang baik.

"Hakikatnya, USIM mempunyai ramai pemedato yang hebat," katanya.